



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA, CAWANGAN KAPIT

Tingkat Bawah Dan Satu, Wisma Persekutuan
Jalan Kapit By Pass
96800 Kapit
SARAWAK

Tel : 084-796382
Faks : 084-797620
Laman Web : www.anm.gov.my

Ruj. Kami : JANM.KAPIT.600-1/3 (31)

Tarikh : 2 Mei 2024

SEMUA PTJ DI BAWAH SELIAAN

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA CAWANGAN KAPIT

Tuan / Puan,

BULETIN PENUTUPAN AKAUN BULANAN BAGI BULAN MEI 2024

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bagi tujuan **Penutupan Akaun Bulanan bagi bulan Mei 2024**, kerjasama dari setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah diperlukan untuk memastikan semua proses bayaran, terimaan, panjar dan transaksi perakaunan di peringkat PTJ diselesaikan sebelum **31 Mei 2024**.
3. Sehubungan itu, berikut adalah ringkasan perkara-perkara penting untuk perhatian dan tindakan tuan/puan selanjutnya:

A. ARAHAN PEMBAYARAN

- (i) Sila pastikan Dokumen Arahan Pembayaran dilaksanakan sehingga **perakuan 2 selewat-lewatnya jam 2:00 pm pada 31 Mei 2024 (Jumaat)**. Tindakan peraku 2 hanya boleh diteruskan semula bermula pada **5 Jun 2024 (Rabu)**;
- (ii) PTJ adalah tertakluk kepada peraturan pembayaran bil dalam tempoh 14 hari seperti yang dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 103(a);
- (iii) **SURAT PENJELASAN** hendaklah dikemukakan melalui emel **bayaran_kpt@anm.gov.my** atau hardcopy sekiranya didapati pihak PTJ gagal mematuhi arahan seperti di para (i) di atas.

B. TERIMAAN

- (i) Bagi mematuhi AP78, sila pastikan semua kutipan dari **1 hingga 31 Mei 2024** dan juga kutipan pada sebelah pagi **31 Mei 2024** dibankkan seperti ketetapan berikut :-

BSN Song	Sebelum jam 11:00 am, 31 Mei 2024
MAYBANK Kapit	Sebelum jam 2:00 pm, 31 Mei 2024

- (ii) Bagi kutipan pada **31 Mei 2024** yang tidak sempat dibankkan, perlu dibuat **SERAHAN WANG** sehingga status '**LULUS**'.

C. SEMAKAN PEMBAYARAN BIL PUKAL BULAN APRIL 2024

- (i) Bagi tujuan semakan bayaran pukal "**google link**" seperti di **Lampiran 1**, disediakan untuk memudahkan pihak PTJ membuat semakan pembayaran bil pukal bulanan bagi dua agensi pukal iaitu **SESCO** dan **JBALB**.
- (ii) Bil yang dibayar oleh pejabat perakaunan adalah **BIL BULAN SEMASA** dan sepatutnya **tiada tunggakan** di dalam bil-bil yang dikemukakan oleh agensi kepada PTJ.
- (iii) Pihak PTJ juga **perlu menyemak seterusnya mengenal pasti akaun sudah tidak lagi aktif** untuk tindakan **PEMBATALAN** akaun pukal berkenaan.
- (iv) Sekiranya terdapat **lebih bayaran atau bil yang berbaki kredit**, **PTJ perlu membuat permohonan untuk REFUND** dari agensi berkenaan dengan serta-merta.

D. PANJAR WANG RUNCIT & PANJAR KHAS BAGI BULAN MEI 2024

- (i) Tindakan Arahan Bayaran **Peraku 1** bagi arahan pembayaran panjar oleh PTJ adalah selewat-lewatnya pada **29 Mei 2024 (Rabu)**;
- (ii) Proses semak AO oleh Pejabat Perakaunan adalah pada **30 Mei 2024 (Khamis)**. (Mohon PTJ maklumkan no. dokumen kepada Unit Pengurusan Dana Janm Kapit untuk semakan segera);
- (iii) Tindakan Arahan Bayaran **Peraku 2** bagi baucar bayaran oleh PTJ adalah selewat-lewatnya pada **30 Mei 2024 (Khamis) jam 5:00 petang**;
- (iv) Pungutan wang panjar di bank dan proses penerimaan rekupmen di Modul Panjar perlu diselesaikan selewat-lewatnya pada **30 Mei 2024 (Khamis)**.

“PASTIKAN BAKI WANG RUNCIT SAMA DENGAN APUNGAN YANG DILULUSKAN”;

- (v) Kod **GL Panjar** adalah **A2911101** dan **Kod Dana G000** perlu digunapakai;
- (vi) Menjana **Laporan Senarai Dokumen bagi Proses Panjar Belum Selesai** di Portal iGFMAS sebelum penutupan akaun bulanan pada **31 Mei 2024**;
- (vii) Sekiranya terdapat dokumen tersenarai dalam laporan tersebut, PTJ perlu menyempurnakan dokumen panjar **sehingga status 80 atau hapus** sebelum penutupan akaun bulanan pada **31 Mei 2024**;

E. TRANSAKSI PERAKAUNAN

- (i) Memastikan Akaun Penyelesaian berikut dikosongkan dan dilaraskan ke kod akaun yang sebenar (sekiranya digunakan):-
 - (a) **A2991104 – Tempoh Peralihan Akaun Penyelesaian Wang Jaminan Pelaksanaan** (Pelarasan melalui Jurnal KJ Biasa **Pelarasan** ke kod akaun **L1111107**);
 - (b) **A2991108 – Tempoh Peralihan Akaun Penyelesaian Lain-Lain Deposit** (Mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan kepada AO untuk dibuat pelarasan melalui sistem SAPGUI);
 - (c) **L1311903 – Sumbangan Badan Berkanun** (pastikan caruman KWSP dan Perkeso dibuat bayaran segera sekiranya amaun tersebut telah dipotong daripada baucar gaji). PTJ hendaklah menyediakan baucar gaji dahulu dan kemudian menyediakan arahan pembayaran kepada KWSP & Perkeso.
 - (d) **L1312959 – Penerimaan Bekalan & Perkhidmatan (GRN)** (menyemak **Laporan Terperinci Pesanan Kerajaan Yang Telah Lengkap** dan seterusnya mengambil tindakan berdasarkan tatacara yang dilampirkan). Arahan Pembayaran yang disediakan adalah tertakluk kepada penyempurnaan bekalan/ perkhidmatan selaras dengan Arahan Perbendaharaan 99(e).
- (ii) Memastikan **akaun deposit** dipertanggungkan di bawah **dana am (G000)**. PTJ perlu membuat pelarasan sekiranya menggunakan dana selain daripada G000.
- (iii) Memastikan **hasil am** dipertanggungkan di bawah **dana am (G000)** dan tiada hasil yang berbaki **debit**. PTJ perlu membuat pelarasan bagi transaksi hasil yang berbaki debit.

F. LAPORAN PENGESAHAN BAKI DAN PENYATA PENYESUAIAN

- (i) **Sijil Pengesahan Baki Vot ;**
- (ii) **Sijil Pengesahan Baki Akaun Terimaan dan;**
- (iii) **Sijil Pengesahan Baki Akaun Amanah ;**

bagi bulan **Mei 2024** perlu dikemukakan kepada JANM Kapit selewat-lewatnya pada **14 Jun 2024** secara hardcopy kepada pegawai di Unit Akaun;

- (iv) **Sijil Pengesahan Baki Deposit Terimaan;**
- (v) **Sijil Pengesahan Baki Deposit Bayaran dan;**
- (vi) **Sijil Pengesahan Baki Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan & Bon Pelaksanaan ;**

bagi bulan **Mei 2024** perlu dikemukakan kepada Bahagian Akaun, Kementerian dan disalinkan sesalinan kepada JANM Kapit selewat-lewatnya pada **14 Jun 2024** secara hardcopy kepada pegawai di Unit Akaun;

- (vii) **Surat Peringatan Pertama bulan Mei 2024** akan dikeluarkan sekiranya mana-mana PTJ yang **tidak mengemukakan Sijil Pengesahan Baki** kepada JANM Kapit secara hardcopy sebelum atau pada **14 Jun 2024**.

G. TARIKH AKHIR PROSES SIMULASI GAJI PTJ BULAN MEI 2024 DAN PROSES SEMAKAN SECOND VALIDATION AKAUN BANK GAJI

- (i) Pusat Gaji / PTJ adalah diingatkan untuk mematuhi jadual simulasi gaji seperti yang telah dikeluarkan pada 7 Disember 2023. **Bagi tarikh simulasi gaji bulan Mei 2024** adalah pada **6 Mei 2024 (Isnin)**.
- (ii) Untuk semakan Second Validation akaun bank gaji , Pusat Gaji / PTJ hendaklah memaklumkan jika terdapat perubahan akaun bank gaji pegawai lama dan pegawai baru wujud nombor gaji untuk pemantauan awal pihak kami.

- (iii) Pemakluman bilangan pegawai tersebut boleh dibuat melalui aplikasi "Whatapps" kumpulan gaji **HCM 2017** dari masa ke semasa.

- (v) Sekiranya terdapat penolakan gaji pegawai oleh bank pada tarikh gaji, Pusat Gaji / PTJ hendaklah bersedia untuk mengemukakan salinan akaun bank pegawai supaya gaji boleh dikreditkan terus pada hari yang sama oleh bank.

4. Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan berikan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"


(MUHAIMIN BIN MOHD MOKHTAR C.A(M) , ACCA (UK))

Pengarah Cawangan

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Cawangan Kapit

Tarikh : - 2 Mei 2024